

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI  
[ SIPITANG ]**

**TARIKH : 11.11.2014**

**SOALAN :**

**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak kementerian bercadang untuk mewajibkan pembelajaran subjek pendidikan Islam atau pendidikan Moral di peringkat universiti kerana kita lihat betapa pentingnya pemantapan insaniah secara berterusan agar dapat membentuk generasi muda yang berakhlak mulia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberikan penekanan terhadap agenda Pembangunan Holistik Pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) bagi melahirkan graduan yang seimbang dari segi ilmu, keterampilan, akhlak, nilai murni, patriotik dan berdisiplin ke arah pembentukan modal insan negara yang holistik dan berpersonaliti unggul. Justeru, penekanan pelaksanaan diletakkan dalam konteks kurikulum dan kokurikulum yang merangkumi ilmu praktikal dan ilmu falsafah bagi menyokong pembangunan pelajar secara menyeluruh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai September 2013, KPM telah melaksanakan penawaran Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) kepada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan Politeknik di Malaysia bagi menggantikan Mata Pelajaran Wajib (MPW).

Sehubungan itu, kursus-kursus Pengajian Umum seperti Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), Hubungan Etnik dan Pengajian Malaysia merupakan penyokong kepada usaha memupuk masyarakat berbudaya dan memiliki kekuatan moral. Kursus-kursus tersebut telah mula diperkenalkan sejak tahun 1998 dan telah dijadikan sebagai mata pelajaran wajib di semua IPTA.

Secara keseluruhannya, kursus-kursus yang ditawarkan adalah mencukupi untuk membentuk keperibadian dan pemantapan insaniah pelajar secara berterusan. Kursus-kursus ini menyentuh nilai-nilai murni dan sejarah, kemahiran insaniah, perluasan ilmu pengetahuan dan kemahiran pengurusan masyarakat akan menjadikan siswazah dapat menyesuaikan diri bukan sahaja dengan perubahan dan perkembangan dalam sektor pekerjaan malahan dalam menghadapi kehidupan seharian.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN  
[Bandar Kuching]**

**TARIKH : 11.11.2014 (SELASA)**

**SOALAN : 18**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan siapakah kontraktor-kontraktor yang disenaraikan untuk sebut tender dalam tender terhadap untuk projek pembinaan Jalan Poi/Ngemah/Temalat/Song/Kapit, Seksyen C Fasa 3, Pakej B, Jalan Poi/Ngemah/Temalat/Song/Kapit, Sarawak. Siapakah yang akhirnya dipelawakan projek tersebut dan apakah amaun yang disebutkan dalam tendernya.

Jawapan :

(a) Untuk makluman, Kementerian Kewangan telah meluluskan pelaksanaan projek pembinaan Jalan Poi/Ngemah/Temalat/Song/Kapit, Seksyen C Fasa 3, Pakej B, Jalan Poi/Ngemah/Temalat/Song/Kapit, Sarawak secara tender terhad di kalangan sepuluh (10) syarikat seperti berikut:

- 1) Impian Zaman Sdn Bhd;
- 2) Prima Paradigm Sdn Bhd;
- 3) Redha Services Sdn Bhd;
- 4) Semangat Progresif (M) Sdn Bhd;
- 5) Tripods Sdn Bhd;
- 6) D.A.I. Keluarga Realty Sdn Bhd;
- 7) Sedes Enterprise Sdn Bhd;
- 8) Samado Sdn Bhd;
- 9) Mahligai Kekal Sdn Bhd; dan
- 10) Dynadeal Sdn Bhd.

(b) Tender ini telah dipelawa dan dinilai oleh pihak kementerian dan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk dimuktamadkan.

(c) Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 31 Oktober 2014 telah memuktamadkan cadangan nama kontraktor beserta harga kontrak.

(d) Kini, Surat Setuju Terima sedang dikeluarkan untuk diserahkan kepada syarikat yang berjaya sebagaimana yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian Kewangan.